

70
NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]

TARIKH : 2 APR 2018

RUJUKAN : 10629

SOALAN :

Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah tambahan yang diambil oleh pihak Kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya selain daripada langkah penguatkuasaan undang-undang SOSMA yang ada sekarang bagi membendung penularan fahaman Daesh atau ancaman *terrorist* dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa meningkatkan pemantauan bagi memastikan negara berada dalam keadaan aman dan selamat serta bebas daripada ancaman pengganas.

Kerajaan tidak menolak kemungkinan ancaman pengganas di luar negara akan merebak ke negara kita dengan mengambil kira beberapa peristiwa serangan pengganas yang berlaku di dunia kini. Trend cabaran global ini telah mendorong Kerajaan mengambil beberapa langkah drastik dalam usaha mempertingkatkan lagi tahap keselamatan negara.

Antaranya adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, pusat-pusat perniagaan komersial, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara dengan menggunakan konsep “Strategi Lautan Biru Kebangsaan” antara PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa yang sama, kawalan keselamatan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuk kawalan di sepanjang sempadan negara. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan

78

penguatkuasaan berdasarkan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Akta Pencegahan Keganasan 2015 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Selain itu, kerjasama antara PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang.